

28/07/1998

KIK tidak pindah ke Woodlands: PM (HL)

Mahfar Ali in Swakopmund (Namibia)

SWAKOPMUND (Namibia), Isnin - Malaysia tidak akan memindahkan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantinnya (KIK) di stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) Tanjong Pagar ke Woodlands, Singapura, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, pendirian itu dibuat kerana Malaysia berpendapat perkataan dalam perjanjian mengenai perkara itu tidak semestinya dilaksanakan, sebaliknya masih perlu mendapat pengesahan dan pengiktirafan kerajaan.

"Satu perjanjian antarabangsa adalah perlu dan ia tidak mencukupi hanya dengan ditandatangani bukan ketua kerajaan.

"Semua perjanjian antarabangsa juga perlu mendapat pengiktirafan Kabinet dan kemudian Parlimen," katanya kepada wartawan Malaysia selepas menghadiri sesi pagi hari kedua Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) 98, di sini, hari ini.

Dr Mahathir merujuk kepada perjanjian mengenai pemindahan pusat pemeriksaan KIK di Tanjong Pagar ke Woodlands, yang termaktub dalam Perkara-Perkara Yang Dipersetujui (POA), pada 1990.

Perjanjian itu ditandatangani Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew dan Menteri Kewangan Malaysia ketika itu, Tun Daim Zainuddin. Ia menggariskan syarat mengenai pembangunan dan status tanah yang dimiliki KTM di Singapura.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perbalahan kedua-dua negara berhubung isu pemindahan pusat pemeriksaan itu yang berkuat kuasa 1 Ogos ini.

Dr Mahathir yang tiba ke sini Sabtu lalu berkata, pendirian Malaysia berhubung isu itu sudah cukup jelas dan kerajaan tidak akan mengubahnya.

Mengulas penyiaran dokumen rasmi antara Malaysia dan Singapura mengenai Tanjong Pagar oleh pihak media Singapura, yang kelihatan mahu memperkuat kedudukan negara itu yang mahu supaya KIK dipindahkan ke Woodlands, Perdana Menteri berkata:

"Itu pendirian Singapura, tetapi kita juga mempunyai surat yang sama dan kita tidak mempamerkan perkara ini," katanya.

Mengenai pencapaian SAID 98, Dr Mahathir yang mengikuti dialog berkenaan sejak semalam berkata, pemimpin Afrika menunjukkan minat yang tinggi untuk sama-sama melaksanakan konsep perkongsian pintar yang memanfaatkan semua pihak meliputi kerajaan, sektor swasta dan pekerja.

"Penyertaan dialog kali ini begitu tinggi dan mereka berbincang mengenai bagaimana untuk melaksanakannya," katanya.

Dr Mahathir yakin negara terbabit akan dapat menikmati kemajuan yang lebih baik apabila melaksanakan konsep itu yang berpegang teguh kepada prinsip sama-sama menang.

Dalam dialog itu, kata Perdana Menteri, beliau juga memberikan penjelasan mengenai pentingnya negara membangun tidak menerima bulat-bulat cadangan yang dibuat pihak Barat, sebaliknya mesti menelitinya terlebih dahulu dan tidak terlalu mempercayai pelabur asing yang hanya mahu mendapat keuntungan jangka pendek.

Dr Mahathir berkata, beliau turut mengingatkan pemimpin Afrika mengenai kemungkinan benua ini juga terdedah kepada serangan spekulator mata wang.

"Isu ini besar dan perlukan tindakan bersama semua negara supaya masyarakat antarabangsa dapat dipengarui," katanya.

(END)

